

04/03/2000

Tawau calon dua Naib Presiden dikaji

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tindakan Umno Bahagian Tawau yang hanya mencalonkan dua nama bagi tiga jawatan Naib Presiden untuk pemilihan Mei ini, mungkin menimbulkan masalah.

Ibu Pejabat Umno kini dikatakan mengkaji kesahihan pencalonan itu kerana perlembagaan parti memperuntukkan tiga jawatan bagi Naib Presiden.

Sumber-sumber Umno berkata, jika pencalonan itu didapati tidak sah kerana tidak memenuhi kehendak Majlis Tertinggi (MT) supaya menamakan tiga calon, Umno Tawau mungkin diminta membuat pencalonan baru.

Beliau berkata, perkara itu akan dirujuk kepada MT Umno yang akan mengadakan mesyuaratnya Isnin ini.

Umno Tawau, yang pertama di kalangan 165 bahagian mengadakan mesyuarat perwakilannya semalam, mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden.

Bagaimanapun, bahagian itu hanya menamakan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad sebagai calon Naib Presiden.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dalam sidang akhbarinya hari ini berkata, tindakan Umno Bahagian Tawau itu akan dirujuk ke mesyuarat MT Isnin ini bagi memastikan sama ada ia memenuhi syarat.

"Saya berpendapat pencalonan mereka bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden sah. Tetapi bagi Naib Presiden, kerana mereka mencalonkan hanya dua nama, ia perlu dirujuk kepada MT untuk diputuskan," katanya.

Semua bahagian Umno dikehendaki mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing sebelum 30 April ini.

Khalil mengingatkan bahagian Umno supaya memastikan proses pencalonan untuk pemilihan itu menepati kehendak MT dan amalan parti.

Ia termasuk mengemukakan bilangan calon yang bertepatan dengan jumlah dikehendaki, misalnya masing-masing seorang untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, tiga nama untuk jawatan Naib Presiden dan 25 untuk kerusi MT.

"Kita mahu bahagian mengisi nama calon sesuai dengan bilangan mengikut keperluan," katanya sambil menambah, nasihat itu juga ditujukan kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian yang turut membuat pencalonan masing-masing untuk jawatan ketua dan naib ketua.

Mereka yang dicalonkan pula akan diminta menyatakan sama ada menerima pencalonan atau sebaliknya.

Khalil berkata, senarai akhir mereka yang bertanding dijangka dikeluarkan pertengahan bulan depan.

Dalam perkembangan berkaitan, 17 bahagian Umno akan bermesyuarat pada Ahad ini, manakala satu bahagian iaitu Semporna bermesyuarat esok.

Bahagian Umno yang akan bermesyuarat Ahad ini ialah Bandau, Penampang, Papar, Sipitang dan Tanjung Aru di Sabah; Ledang, Sungai Benut, Senai, Segamat dan Tenggara di Johor; Gerik, Sungai Siput dan Batu Gajah di Perak; Tasik Gelugor dan Jelutong di Pulau Pinang; Cheras di Wilayah Persekutuan dan Batu Berendam, Melaka.

Selaras dengan arahan Majlis Tertinggi (MT) semua mesyuarat peringkat bahagian akan dirasmikan sendiri oleh ketua bahagian masing-masing.

Mesyuarat peringkat bahagian yang bermula semalam adalah penting kerana setiap bahagian akan mencalonkan ahli Umno untuk bertanding 78 pelbagai jawatan termasuk Presiden dan Timbalan Presiden, pada pemilihan parti Mei

depan.

Jawatan lain yang dipertandingkan ialah naib presiden (3 jawatan), Majlis Tertinggi (25), Ketua Pergerakan Pemuda dan naib ketua, Ketua Pergerakan Wanita dan naib ketua, masing-masing 20 jawatan Exco Pemuda dan Wanita, serta masing-masing satu bagi jawatan pengerusi dan timbalan pengerusi Pemuda dan Wanita.

(END)